

oleh ZUHAIDA A. JALIL

# Remaja dan Tingkah Laku Devian

**ZAMAN** remaja penuh pancaroba. Dalam mencari identiti diri, kadangkala remaja terjebak dalam pelbagai masalah sosial dan tingkah laku devian sama ada secara sengaja ataupun terpaksa.

Tingkah laku devian merupakan perlakuan yang melanggar peraturan atau menyalahi norma masyarakat setempat. Antara perlakuan devian yang sering dikaitkan dengan remaja termasuklah merokok, lumba haram, ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah dan alkohol, salah laku seksual, seperti bersekedudukan, mengandung luar nikah, dan buang bayi.

Remaja mungkin terlibat dengan lebih daripada satu tingkah laku devian. Contohnya, remaja yang ponteng sekolah ditangkap sedang merokok. Sekumpulan remaja yang mabuk melakukan hubungan seks rambang sesama mereka. Remaja yang ketagihan syabu menjual diri untuk mendapatkan syabu percuma (*Harian Metro*, 30 Mei 2010). Secara ringkas, perlakuan salah satu tingkah laku devian mendorong tingkah laku devian yang lain yang seterusnya mendorong remaja terjebak dengan perlakuan jenayah dan akhirnya dijatuhkan hukuman.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2004, mendapati 2.4 peratus remaja terlibat dengan hubungan seks luar nikah. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula mendedahkan terdapat tujuh kes buang bayi pada minggu pertama pada 2011 (*Berita Harian*, 9 Januari 2011).

Pelbagai faktor penyumbang kepada tingkah laku devian ini. Remaja sendiri tidak sedar tentang pelbagai risiko akibat tingkah laku devian ini. Mereka mudah terpengaruh dengan

rakan atau media yang negatif. Keluarga pula mungkin berpecah-belah, kurang kawalan, kurang kasih sayang dan sokongan moral daripada ibu bapa. Selain itu, faktor persekitaran, iaitu promosi bahan berkaitan tingkah laku devian ini amat mudah diperolehi melalui edaran bercetak, internet, dan telefon mudah alih. Pengaruh rakan dan perasaan puas atau seronok menyebabkan remaja menjadi ketagih. Remaja terlupa bahawa keseronokan dan kepuasan tersebut hanyalah sementara. Tuhan memberikan akal fikiran yang waras untuk remaja berfikir. Remaja perlu bijak memilih. Tersilap langkah dan tersalah pilih, remaja mungkin akan merana sehingga hari tua.

Mencegah jauh lebih baik daripada mengubati. Sekali tersalah langkah, remaja memerlukan usaha yang


berganda untuk kembali ke pangkal jalan. Sekiranya mampu bantulah rakan anda yang terjebak dalam aktiviti devian ini. Jika tidak mampu menolong secara langsung, bantulah mereka untuk mendapatkan bantuan daripada sumber lain yang boleh dipercayai.

Kemungkinan remaja boleh menggunakan pendekatan berasaskan warna lampu isyarat, iaitu:

- **Warna Merah** – Remaja perlu berhenti segera, serta-merta daripada melakukan tingkah laku devian tersebut.
- **Warna Kuning** – Remaja berfikir semula, bagaimanakah untuk mengelakkan terjebak lagi dengan aktiviti devian?
- **Warna Hijau** – Remaja bertindak mengambil langkah yang sepatutnya untuk benar-benar meninggalkan aktiviti devian.

Hukuman terhadap pelbagai salah laku devian dalam kalangan remaja mungkin bukan pilihan yang paling tepat untuk mengatasi masalah ini. Punca sebenar remaja terlibat dalam aktiviti devian mungkin berbeza. Aspek psikososial dalam setiap diri remaja bersiko tersebut perlu diterokai untuk meringkaskan permasalahan dalaman yang tidak selesai itu.

Menurut Hoffman 1994, masa remaja adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan, dan konflik. Oleh sebab itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa, pendidik dan ahli masyarakat untuk mengikuti perkembangan remaja dan memberikan sokongan padu setiap pergolakan



Semangat berpasukan dalam kalangan remaja mendorong sikap positif untuk melampaui pelbagai halangan dan cabaran demi mencapai impian untuk berjaya.



Pengaruh rakan sebaya banyak mempengaruhi tingkah laku remaja - Gambar hiasan.

remaja bukan sekadar makan minum dan wang tetapi kasih sayang dan perhatian serta panduan dan dorongan menghadapi zaman remaja yang serba mencabar.

Masalah remaja merupakan masalah bersama-sama semua anggota masyarakat. Oleh sebab itu, usaha untuk menangani masalah remaja di peringkat akar umbi memerlukan usaha bersepadu semua pihak. Jabatan Kebajikan Masyarakat mengendalikan kes pelajar di bawah pengawasannya (Akta Kanak-kanak 2001), polis bertindak terhadap remaja yang melakukan jenayah, pejabat kadi pula menangkap remaja berkhawat, manakala jabatan kesihatan berhadapan dengan remaja mengandung luar nikah. Guru dan kaunselor sekolah pula menghadapi kerenah pelajar bermasalah hampir setiap hari. Agensi Anti Dadah Kebangsaan mengadakan program pemulihan untuk remaja yang terlibat dengan dadah. Yayasan Pembangunan Keluarga memberikan kaunseling dan khidmat mengendalikan program motivasi untuk remaja. Setiap agensi ini mempunyai kepakaran dan sumber tertentu mengendalikan remaja bertingkah laku devian ini. Terdapat badan bukan kerajaan yang berusaha mengatasi masalah remaja yang terlibat dengan tingkah laku devian ini. Contohnya, Jamaah Islah Malaysia pernah mengadakan seminar "Anda Bijak Jauhi Zina" kepada remaja di beberapa tempat.


Remaja tidak wajar dipersalahkan sepenuhnya terhadap segala masalah sosial yang berlaku. Program kesedaran tentang masalah remaja sebahagian besarnya ditujukan kepada remaja yang tidak bermasalah. Remaja yang terlibat dengan tingkah laku devian kurang diberikan peluang untuk mengikuti program sebegini dengan anggapan mereka yang bermasalah sukar untuk dikendalikan dan mereka tiada harapan untuk berubah.

Remaja yang terjebak dengan tingkah laku devian ini juga adalah remaja biasa yang memerlukan perhatian dan dorongan. Mereka cuma pernah tersilap langkah. Merekalah yang perlu dilibatkan secara langsung dalam apa-apa program kesedaran tentang masalah tingkah laku devian ini supaya mereka semakin sedar dan seterusnya berubah. Agensi yang terlibat dalam menangani kelompok remaja ini perlu memberikan keyakinan yang jitu bahawa kelompok remaja ini boleh dan akan berubah.

Sebahagian remaja bermasalah ini tidak mempunyai sokongan sosial yang kuat dalam kalangan keluarga. Bahkan kadangkala ibu bapa mereka sendiri menghadapi masalah. Sokongan dan bimbingan daripada masyarakat amat perlu untuk remaja yang bermasalah ini kembali ke

pangkal jalan. Tanpa sokongan padu semua pihak, niat remaja yang ingin berubah mungkin tidak tercapai.

Remaja merupakan aset penting negara dan menjadi penghubung kepada generasi akan datang. Remaja yang baik akan menghasilkan generasi akan datang yang lebih bertambah baik lagi. Remaja perlu menguatkan jati diri melalui pelbagai aktiviti yang sihat. Bagi remaja yang pernah tersalah langkah, tidak bererti anda akan berada selama-lamanya dalam kancah kesalahan tersebut.

Remaja sendiri mempunyai peranan yang besar dalam menangani cabaran tingkah laku devian ini. Sokongan padu daripada keluarga, masyarakat dan pihak berwajib akan memberikan dorongan yang kuat kepada remaja untuk menghindari tingkah laku devian ini. 



Remaja mengisi masa lapang melakukan kerja sukarela seperti membersihkan rumah orang kampung yang kurang berupaya.



oleh: IMUDA

